


Pelita Brunei



T.B.P., K.B.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DUA KALI SA-BULAN

TAHUN 3. NO. 15.



DULI YANG MAAH MULIA SULTAN BRUNEI
DIKURNIA'I GELAR N KEHORMATAN D.U.S.M.N.
OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG MALAYA

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., telah dikurnia'i gelaran kehormatan " DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA " oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dalam satu istiadat yang bersejarah kerana menyambut Hari Ulang Tahun Yang Pertama, Kemerdeka'an Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur, Ibu-Kota Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini.

Selain daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, 7 orang lagi Sultan2 Tanah Melayu telah dikurnia'i gelaran kehormatan Darjah Utama Seri Mahkota Negara oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, seperti berikut:

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-merhum Sultan Abu Bakar - Sultan Johore.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatud-din Al-muadzam Shah ibni Al-merhum Almu'tassim Billah Sultan Abdullah - Sultan Pahang.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-merhum Sultan Ala-iddin Sulaiman Shah - Sultan Selangor yang juga menjadi Timbalan Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu.

Duli Yang Maha Mulia Raja Syed Putra ibni Al-merhum Raja Syed Hassan Jamalullail - Raja Perlis.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-merhum Sultan Mohammed Yang Ke-Empat - Sultan Kelantan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-merhum Sultan Zainal Abidin - Sultan Trengganu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Sultan Yussuf 'Izuddin Shah ibni Al-merhum Sultan Abdul Jalil Radziallah Hu-'An-Hu - Sultan Perak.

IPAR SULTAN BRUNEI MANGKAT

Yang Mulia Pengiran anak Mohamod Salleh ibni Al-merhum Duli Pengiran Bondahara anak Abdul Rahman, berusia kira2 45 tahun, ipar kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, dan adinda kepada Yang Teramat Mulia

... Bersambong di Muko 4



DATANG DAN PERGI -

Telah bertolak dengan kapal terbang dari Lapangan Terbang Brunei pada 10hb1 September yang lalu, 8 orang anak2 Brunei yang telah lulus Senior Cambridge tahun lalu menuju ka-United Kingdom. Sa-orang daripada-nya perempuan. Be sama2 mereka 2 orang lagi yang menuju ka-Kuala Lumpur, Malaya kerana mengambil kerusus dalam bahagian Broadcasting. Demikian telah di-fahamkan.

lulus Senior Cambridge tahun lalu menuju ka-United Kingdom. Sa-orang daripada-nya perempuan. Be sama2 mereka 2 orang lagi yang menuju ka-Kuala Lumpur, Malaya kerana mengambil kerusus dalam bahagian Broadcasting. Demikian telah di-fahamkan.

Gambar yang tertera di-atas ia-lah tiga daripada mereka yang telah bertolak menuju ka-United Kingdom, dari kiri: Awang Jaya bin Abdul Latif, Zakaria bin Dato Maha Wangsa dan Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Umar.

Gambar yang tertera di-bawah ia-lah juga anak2 Brunei yang telah sampai dari United Kingdom pada bulan yang lalu. Sa-orang daripada-nya balek kerana berchutti, ia-itu Inche' Isa bin Haji Ibrahim (Dato Perdana Menteri Brunei).

Perkenanai: dari kiri, Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Awang Abd Rahman (waktu itu Pehin Bendahari Awang Abd Rahman), Inche' Talib bin Derwish dan Inche' Isa bin Haji Ibrahim.

Mereka yang pergi ka-Kuala Lumpur, Malaya ia-lah Pengiran Ahmad dan Dayangku Intan binte Pengiran Apong.



Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara serta kakanda kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah mangkat di rumah Al-merhum itu di Kampong Sumbiling, Bandar Brunei pada awal pagi hari Ithnin 8 haribulan September.

Jenazah Al-merhum itu telah selamat dikebumikan di Makam pada petang hari itu juga, dengan dihadziri oleh ramai Pengiran2, Pehin2, Para Pembesar Negeri, Pegawai2 Keraja'an dan lain2nya.

Sebagai menghormati kemangkatan Al-merhum Pengiran anak Mohamed Salleh, Bendera2 diseluruh Negeri Brunei telah dikibarkan separoh tiang pada hari tersebut.

Oleh kerana komangkatan Al-merhum itu, maka pembuka'an istiadat Gendang Jaga-jaga berhubung dengan sambutan Hari Keputeran Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Istiadat Bor-khatan Putera2 Di-Raja yang akan dilangsangkan sadikit hari lagi, sebagaimana yang telah ditetap hendak dimula'i pada hari Khamis 18 haribulan September telah pun diubah ka hari Thalatha 23 haribulan September.

PERTUNJOKAN BUKU2 SEKOLAH

Satu pertunjukan Buku2 Sekolah akan diadakan di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di Bandar Brunei pada hari Thalatha 16 haribulan September, 1958 mula'i pada pukol 9 pagi ka pukol 12 tengah hari dan sekali lagi dari pukol 4 petang ka pukol 7 malam.

Orang2 ramai adalah dijemput menyaksikan pertunjukan tersebut dan juga melawat ka bangunan Sekolah baharu itu yang akan hampir siap dibangunkan.


LAWATAN DUKE OF EDINBURGH

KA BRUNEI

Satu berita telah diterima dari Jabatan Jajahan Ta'lok British di London, England menyatakan bahawa Yang Teramat Mulia Prince Philip, yang bergelar sebagai Duke of Edinburgh ia-itu suami kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, akan melawat ka Negeri Brunei pada penghujung bulan February atau awal bulan March tahun hadapan.

Berhubong dengan perkara ini, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengutuskan sepuhok kawat ke Jabatan Ta'lok British di London menyatakan

DI-SEKITAR PERTUNJOKAN TANAM-TANAMAN SELUROH NEGERI BRUNEI



bahawa Baginda berasa sangatlah suka cita atas lawatan Yang Teramat Mulia itu ke Brunei pada tahun hadapan kelak.

Perlembaga'an Baharu Negeri Brunei:

TELAH DIBINCINGKAN OLEH AHLI2 MAJLIS MASHUARAT NEGERI & SEDANG DIRUNDINGKAN DAN DISELIDEKI OLEH KERAJA'AN BAGINDA QUEEN ... TITAH DYMM SULTAN

" Perlembaga'an Baharu Negeri Brunei telah dibincangkan dan dihalusi dari satu masa ke satu masa oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan Ahli2 Majlis Daerah. Perlembaga'an itu sedang dirundingkan dan diselideki oleh Keraja'an Baginda Queen " demikian titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di satu majlis jamuan teh yang Baginda telah mengadakan dihalaman Istana Darul Hana pada petang hari Ahad 7 haribulan September, 1958.

Diantara ramai para hadzirin di majlis itu, ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bondahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, British Resident Brunei Yang Berhormat Mr. D.C. White, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Pegawai2 Keraja'an, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

Ketika bertitah di majlis itu, Baginda telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada para hadzirin. Lama sudah niat Baginda hendak mengadakan perjumpa'an itu. Tetapi, oleh kerana kegagauan atau sebok dengan urusan2 yang lain, maka tertanggohlah perjumpa'an itu sehingga ke hari tersebut.

" Pada hari ini tidaklah saya mahu berucap panjang, hanyalah saya suka menyatakan atas keshukoran kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang kita sekalian telah terpelihara didalam aman dan sentosa semenjak perjumpa'an kita disini pada masa saya balek dari England tahun yang lepas ", tegas Baginda, dan dalam perjumpa'an itu, kalau saya tidak khilap, saya ada menyebutkan dari hal Perlembaga'an Baharu bagi Negeri Brunei. Dari semenjak masa itu, Perlembaga'an Baharu Negeri Brunei telah dibincangkan dan dihalusi dari satu masa ke satu masa oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan Ahli2 Majlis Daerah. Perlembaga'an itu sedang dirundingkan dan diselideki oleh Keraja'an Baginda Queen.

" Saya berharap mudah2an dengan fakatan dan kerjasama diantara Keraja'an Brunei dan Keraja'an Baginda Queen, maka Perlembaga'an itu akan dapat diselesaikan dengan memuaskan hati. Saya pun sangat faham tentulah ra'yat dalam Negeri Brunei ini ternanti2 ya'ini tertunggu2 boleh jadi hairan

kenapakah Perlembaga'an ini hingga ka hari ini belum lagi dapat diselesaikan dan disempurnakan.

" Tuan2 sekalian mahulah faham dan bersabar, adalah sesuatu Perlembaga'an negeri itu tidak boleh dibuat dengan gopoh gapah, bahkan hendaklah kita terlebih dahulu memikir dengan sahalus2 dan cermat serta menchari jalan yang baik dan munasabah bagi Negeri dan ra'yat kita, kerana jika kita dan penasehat2 kita tidak menyelideki dengan sachermat2nya, saya perchaya boleh jadi mendatangkan kesusahan serta kesalahan kapada Negeri dan Ra'yat Brunei.

" Disini, sekali lagi saya mengambil kesempatan dengan seberapa kesukachita'an saya untuk memberi atau menasehatkan kapada pendudok2 dalam Negeri Brunei ini, baik Pegawai2 Keraja'an, mahu pun Pembesar2 dan anak2 Negeri ini, hendaklah tulus ikhlas bekerjasama dan bertolongan2.

" Kapada Pegawai2, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong, hendaklah sentiasa mengambil berat dalam hal ehwal kehidupan ra'yat dalam Negeri atau jajahan dan kampong masing2. Mereka hendaklah sentiasa melawat dan berdamping dengan ra'yat serta memberi nasehat yang berkebijakan kepada mereka itu supaya berusaha dengan bersunggoh2 dalam segala lapangan penghidupan mereka, mithalnya berchuchok tanam, memelihara hidup2an ternak dan sebagainya.

" Pegawai2 Keraja'an dan Penghulu2 serta Ketua2 Kampong, bukan sahaja kewajipannya memberi nasehat itu dibiarkan begitu sahaja, bahkan mahulah mereka selalu melawat dan berhubung dengan ra'yat. Begitu juga, ra'yat sekalian bekerjasama dengan Keraja'an dan sesama sendiri, serta turut menurut apa2 juar nasehat yang berkebijakan. Dengan jalan ini, saya perchaya tentulah kita boleh hidup dengan keamanan dan kesentosa'an !!.

Akhirnya, Duli Yang Maha Mulia telah sekali lagi mengucapkan berbanyak2 terima kaseh atas kesudian semua orang yang telah hadzir di Majlis Jamuan Teh dikawasan Istana Darul Hana.

Kemudian, dengan diiringi oleh British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White dan Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim, maka Baginda telah bercheramah dengan semua orang yang hadzir di majlis jamuan teh itu.

.....

RANCHANGAN 'AM SAMBUTAN HARI KEPUTERA'AN DYMM
MAULANA AL-SULTAN , ISTIADAT BERKHATAN PUTERA2
DI-RAJA DAN PEMBUKA'AN RESMI MASJID BAHARU DI-
BANDAR BRUNEI

22 September, 1958: 9.00 pagi - Peraduan Senaman Sekolah2 Melayu
Sa-Negeri Brunei di Padang S.O.A.S. College.

2.30 petang - Peraduan Sukan Sekolah2 Melayu
... Bersambong di Muka 8

Sa-Negeri Brunei di Padang S.O.A.S. College, Bandar Brunei.
7.30 malam - Temasha Malam Aneka Warna di Padang Pekan Brunei.

- 23 September - Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Istiadat dan Barisan Kehormatan di Padang Pekan Brunei.
7.30 pagi - Istiadat mengadap di Singgahsana Istana Darul Hana,-
10.00 pagi - Istiadat menggelar Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Di-Raja. Istiadat menyampaikan bintang2 dan medal2 jasa baik dan lama bekerja. Uchapan2 dipersembahkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Duli Pengiran Bendahara atau Duli Pengiran Pemancha (Wakil ra'yat). Yang Berhormat Tuan British Resident dan Wakil Pegawai2 Ugama. Persembahan uchapan Selamat dari Persekutuan2 dan lain2 diserahkan sahaja tidak dibacha. DYMM Sultan membalas uchapan dan diakhiri dengan baca'an Do'a Selamat.
11.00 pagi - Pertunjukan lukisan di bangunan Pejabat Chukai (Custom).
1.30 petang Perlumbaan outboard dihadapan Tambatan Custom.
6.00 petang Pasar Malam di Padang Pekan Brunei.
7.45 malam Peraduan nyanyi orang2 dewasa dan murid2, peraduan2 membacau Sha'er, Pakaian Beragam, Jenaka, Wayang China, & Ronggeng di Padang Pekan Brunei.
8.00 malam Majlis Jamuan Minuman di Istana Darul Hana.
- 24 September
8.00 pagi Perlumbaan outboard dihadapan Tambatan Custom.
8.30 pagi Rombongan Duli2 Yang Maha Mulia Sultan2 Tanah Melayu dan Menteri2 berangkat ke Seria dengan kapal2 terbang.
3.50 petang Rombongan tersebut balek dari Seria.
6.00 petang Pasar Malam di Padang Pekan Brunei.
6.25 petang Jamuan Makan Malam di Istana Darul Hana.
8.00 malam Temasha Malam Gembira di Padang Pekan Brunei.
9.20 malam Pertandingan Berzikir, Panchak Silat, Ronggeng, Tarian Barat dan Gendang Kulit Kambing di Istana D.Hana.
11.00 malam Istiadat Berkhatan Y.T.M. Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan Y.T.M. Pengiran Muda Muhammad Bolkiyah dimula'i. Bunga Api dimula'i di Padang Pekan Brunei.
- 25 September
3.15 petang Istiadat di Istana Darul Hana. Istiadat menyampaikan Bintang2 Kobesaran.
4.50 petang Y.T.M. Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan Y.T.M. Pengiran Muda Muhammad Bolkiyah berangkat dari atas Istana ke bawah dan terus naik ke kereta perarakan. Perarakan Di-Raja dimula'i diikuti dengan kereta2 berhias dari Istana Darul Hana.
5.00 petang Jamuan Bersiar2 di Istana Darul Hana.
7.45 malam Peraduan Membacau Koran bahagian lelaki di Istana D.H.
8.00 malam Perarakan berjalan kaki berkeliling Pekan Brunei. Lakonan Sandiwara "Bendahara Sakam" dibawah anjoran Persekutuan Murid2 Tua Melayu, Brunei (MUTU), bertempat di Padang Pekan Brunei.
11.30 malam Panchak Silat, Ronggeng, Zifin, Gendang Kulit Kambing dikawasan Istana Darul Hana.
26 September
11.00 pagi Hadiah2 temasya perarakan2 dan pertandingan2 disampaikan di Panggong Sandiwara, Padang Pekan Brunei.
- 11.00 pagi Istiadat pembuka'an resmi Masjid Omar Ali Saifuddin.
1.30 petang Jamuan Makan Tengah Hari di Lapau (Jemputan Khas).
4.15 petang Jamuan Teh dikawasan Masjid Omar Ali Saifuddin.
7.30 malam Jamuan Makan Malam di Istana Darul Hana.
8.00 malam Pertandingan Perarakan Persatu Berhias di Sungai Brunei.
8.30 malam Peraduan Membacau Koran bahagian perempuan di halaman Istana Darul Hana.
11.00 malam Panchak Silat, Ronggeng, Zifin, Gendang Kulit Kambing dikawasan Istana Darul Hana.
27 September
12.30 t.hari Pertunjukan Bunga Api dikawasan Mesjid Omar Ali Saifuddin
1.00 petang Jamuan Makan Tengah Hari di Brunei Hotel.
2.00 petang Bacha'an Do'a Selamat dan Jamuan Makan Brunei Asli di Istana Darul Hana.
8.00 malam Temasha Sukan di Padang Pekan Brunei.
-----/ Jamuan Makan Malam Perpisahan di Istana D.H. & Tarian2 Timor, Panchak Silat, Kajat, Zifin, Ronggeng dllnya.